

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (3)

**Surah al-Baqarah
Ayat 23-34**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ فِيهِ ۖ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٣﴾

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ۖ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾

Dan jika kamu masih dalam keraguan tentang Al-Qur'an yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami,⁵³ maka bawalah satu surah yang sebanding

⁵³ Siapakah hamba Kami (Allah) yang dimaksudkan itu? Apa namanya? Tidak disebutkan di sini, tetapi ia disebutkan di tempat lain di dalam Al-Qur'an. Lihat firman Allah berikut:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَءَامَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ وَهُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ كَفَّرَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَالَهُمْ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Dan (sebaliknya) orang-orang yang beriman, beramal shaleh **dan mempercayai apa (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada Muhammad, (bahawa) ia memang benar dari Tuhan mereka**, niscaya Dia (Allah) akan menutupi kesalahan-kesalahan mereka dan akan memperbaiki keadaan mereka. (Muhammad:2). Demikianlah perkataan عبدنا (hamba Kami) digunakan oleh Allah di dalam Al-Qur'an sebagai penghormatan kepada NabiNya Muhammad s.a.w.

Di dalam Surah al-Anfaal juga digunakan perkataan yang sama untuk Muhammad s.a.w. Firman Allah:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَآلِ السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ ءَامِنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّلَاقِ الْجَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, RasulNya, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), **jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar)** dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (al-Anfaal:41).

Perkataan عبد apabila dikaitkan dengan Allah di dalam Al-Qur'an, seperti dikatakan عبدنا (hamba Kami) atau عبده (hambaNya) menunjukkan orang yang mulia di sisi Allah, seperti nabi, rasul atau orang shaleh dan kekasihNya. Dikatakan begitu, sebagai penghormatan kepada mereka.

Perkataan عبدنا (hamba Kami) tidak digunakan oleh Allah di dalam Al-Qur'an untuk Nabi Muhammad s.a.w. sahaja. Ia juga digunakan untuk nabi-nabi dan rasul-rasul yang lain sebagai penghormatan kepada mereka. Sebagai contohnya lihat firman Allah di bawah ini:

أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَادْكُرْ عَبْدَنَا دَاوُدَ ذَا الْأَيْدِ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٧٦﴾

dengannya⁵⁴ dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah, jika kamu memang orang-orang yang benar.⁵⁵ [23]

Bermaksud: Bersabarlah (wahai Muhammad) terhadap apa sahaja yang mereka katakan dan ingatlah akan hamba Kami (Nabi) Daud, yang mempunyai kekuatan (dalam pegangan agamanya); sesungguhnya dia amat ta'at (kepada Kami dengan bersabar mematuhi perintah Kami). (Shaad:17).

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدَجَرَ ۝

Bernaksud: Sebelum mereka, kaum (Nabi) Nuh juga telah mendustakan (Nabi mereka); mereka mendustakan hamba Kami (Nabi Nuh) serta mereka menuduhnya dengan berkata: Dia seorang gila, dan dia telah diancam (juga dihalang daripada menjalankan da'wah agama). (al-Qamar:9).

⁵⁴ Cabaran Allah ini ada latar belakangnya. Ia tidak disebut di sini. Tetapi disebutkan di dalam firman Allah pada tempat yang lain. Lihatlah firman Allah yang berkenaan di bawah ini:

وَإِذَا تَنَزَّلْنَا عَلَيْنَا قَالُوا قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَاءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَذَا إِنْ هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ۝

Bermaksud: Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengarnya. Kalau kami mahu, niscaya kami dapat mengatakan (kata-kata) seperti (Al-Qur'an) ini. (Al-Qur'an) Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala. (al-Anfaal:31).

⁵⁵ dalam da'waan kamu bahawa Muhammad telah mereka-reka dan mengadakan Al-Qur'an. Allah berfirman:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ لِخُنِدِرِ قَوْمًا مَّا أَنَّهُمْ مِنْ نَذِيرٍ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ۝

Bermaksud: (Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian) bahkan mereka mengatakan: "Dialah (Muhammad) yang mereka dan mengada-adakannya (Al-Qur'an). (Da'waan mereka itu tidak benar,) bahkan Al-Qur'an ialah perkara yang benar dari Tuhanmu (wahai Muhammad), supaya engkau memberi peringatan dan amaran kepada kaum(mu) yang telah lama tidak didatangi pemberi peringatan dan amaran sebelummu, semoga mereka beroleh petunjuk. (as-Sajdah:3).

Sebelum ayat yang diturunkan di Madinah ini sebenarnya telah pun turun beberapa ayat Al-Qur'an yang mencabar manusia yang ragu terhadap al-Qur'an sebagai wahyu yang datang dari Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. Cabaran seperti ini telah pun terdapat di celah-celah surah Makkiyyah. Lihat ayat-ayat berikut sebagai contohnya:

قُلْ فَأْتُوا بِكِتَابٍ مِثْلِهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَا أَتَّبِعُهُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Kalau demikianlah sikap kamu maka bawalah sebuah Kitab dari sisi Allah yang dapat memberi panduan lebih daripada keduanya (Taurat dan Al-Qur'an), supaya aku menurutnya. (Bawalah) jika betul kamu memang orang-orang yang benar. (al-Qashash:49).

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِثْلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ وَأَدْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝

Jika kamu tidak dapat membuat(nya) - dan tentu kamu tidak akan dapat membuat(nya) - maka peliharalah dirimu dari api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu;⁵⁶ ia (neraka itu) telah disediakan untuk orang-orang kafir. [24].

Bermaksud: Bahkan mereka mengatakan: “Muhammad telah mengada-adakan Al-Qur’an itu”, Katakanlah: “(Kalau demikian), maka datangkanlah sepuluh surah rekaan yang menyamainya, dan panggillah orang-orang yang kamu sanggup (memanggilnya) selain Allah, jika kamu memang orang-orang yang benar.” (Hud:13).

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلُ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٣٧﴾ أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ اسْتَعْظَمْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Dan bukanlah Al-Qur’an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah; tetapi Al-Qur’an itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum Syara’ yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada Al-Qur’an itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (37)

(Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan Al-Qur’an menurut rekaannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Qur’an itu dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika memang kamu orang-orang yang benar! (38). (Yunus:37-38).

قُلْ لِّإِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Qur’an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri. (al-Israa’:88).

⁵⁶ Manusia yang akan menjadi bahan bakar di dalam neraka ialah manusia yang musyrik. Batu-batu pula ialah batu-batu yang dibuat sebagai berhala. Demikian juga benda-benda lain yang disembah manusia selain Allah, termasuk pokok-pokok, tempat-tempat yang dianggap suci, kubur-kubur yang disembah dan lain-lain, sesuai dengan firman Allah berikut:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنْتُمْ لَهَا وَرَدُونَ ﴿٩٨﴾

Bermaksud: Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam; kamu pasti akan memasukinya. (al-Anbiyaa’:98).

Mungkin anda bertanya, bagaimana dengan orang-orang baik-baik yang disembah manusia, di kalangan mereka bahkan ada nabi-nabi dan rasul-rasul? Jawabnya ialah

وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ٥٧ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِ أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ ٥٨ الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٥٩

Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang sholeh, bahawa untuk mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya.⁵⁷ Setiap kali mereka dihadirkan rezeki (berupa) buah-buahan di dalam syurga-syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang pernah dikurniakan sebagai rezeki kepada kita dahulu”.⁵⁸

mereka tidak termasuk dalam ancaman itu, kerana Allah juga berfirman mengecualikan mereka. Lihat firman Allah yang dimaksudkan itu:

إِنَّ الَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُمْ مِنَّا الْحُسْنَىٰ أُولَٰئِكَ عَنْهَا مُبْعَدُونَ ٦٠

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang telah ada untuk mereka ketetapan yang baik dari Kami, mereka itu dijauhkan dari neraka. (al-Anbiyaa':101).

⁵⁷ Di sini tidak disebutkan jenis dan sifat sungai yang mengalir di dalam syurga-syurga. Ia disebutkan di tempat lain begini:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَّاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ خَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَلَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ ٦١

Bermaksud: Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa ialah di dalamnya terdapat sungai-sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), sungai-sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, sungai-sungai dari arak yang lazat bagi para peminumnya dan sungai-sungai dari madu yang disaring. Mereka juga mendapat di dalam syurga segala jenis buah-buahan dan keampunan dari Rabb mereka, (Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama dengan orang-orang yang tinggal kekal di dalam Neraka dan diberi minuman air yang mendidih sehingga menghancurkan tali-tali perut mereka? (Sudah tentu tidak sama)! (Muhammad:15).

⁵⁸ Yang dimaksudkan dengan dahulu di sini ialah semasa di dunia dahulu. Lihat sebagai contohnya firman Allah berikut:

إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلُ نَدْعُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْبَرُّ الرَّحِيمُ ٦٢

Mereka diberi buah-buahan yang serupa (pada zahirnya dengan buah-buahan di dunia), dan untuk mereka disediakan di dalamnya isteri-isteri yang suci,⁵⁹ di sanalah mereka tinggal kekal abadi. [25]

Sesungguhnya Allah tidak segan membuat perbandingan dengan apa sahaja, dengan nyamuk atau dengan (serangga dan lain-lain) yang lebih kecil darinya.⁶⁰ Adapun orang-orang yang beriman, mereka yakin bahawa

Bermaksud: Sesungguhnya kami (semasa di dunia) dahulu sentiasa berdoa kepadaNya. Sesungguhnya Dialah yang melimpahkan kebaikan lagi Maha Pengasih. (at-Thur:28).

⁵⁹ dari segala perangai yang keji dan pekerti yang tercela. Allah berfirman:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumahmu serta janganlah kamu berhias dan mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu. Dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan ta'atilah Allah serta RasulNya. **Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dirimu wahai “AhlulBait” dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).** (al-Ahzaab:33).

Sifat-sifat zahir isteri-isteri ahli syurga yang suci itu tidak disebut di sini, ia disebutkan pada beberapa tempat lain di dalam Al-Qur'an. Antaranya:

وَعِنْدَهُمْ قَصْرِتُ الطَّرْفِ عَيْنٌ ﴿٤٨﴾

Bermaksud: Di sisi mereka ada bidadari-bidadari yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka, jelita matanya. (as-Shaffaat:48).

كَأَنَّهُنَّ آيَاتُوتُ وَالْمَرْجَانُ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan. (ar-Rahman:58).

وَحُورٌ عَيْنٌ ﴿٢٣﴾ كَأَمْثَلِ اللَّوْلِيِّ الْمَكْنُونِ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Dan bidadari-bidadari bermata jelita, (22) laksana mutiara yang tersimpan baik. (23) (al-Waaqi'ah:22-23).

وَكَوَاعِبُ أُنْثَىٰ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: dan perawan-perawan yang sebaya umurnya; (an-Naba':33).

⁶⁰ Kerana pada semua kejadian Allah, baik besar mahupun kecil ada tujuan dan hikmahnya. Antara kejadian Allah yang lebih kecil dari nyamuk dan Allah juga telah membuat perbandingan dengannya ialah zarrah (debu) atau atom. Lihat firman Allah di bawah ini sebagai contohnya:

perbandingan itu adalah benar dari Tuhan mereka, tetapi orang-orang kafir, mereka bertanya: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?” Dengan perbandingan itu ramai orang yang disesatkan Allah dan ramai pula orang yang diberikan hidayah. Dan Allah tidak menyesatkan dengan perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasiq.⁶¹ [26].

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكَ حَسَنَةً يَّضْعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٦١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupun sebesar zarrah (debu), dan kalaulah (amal yang sebesar zarrah) itu amal kebajikan, niscaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisi-Nya pahala yang besar. (an-Nisaa':40).

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عِلْمُ الْغَيْبِ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Dan orang-orang yang kafir berkata: “Hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami.” Katakanlah (wahai Muhammad): Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu. Tiada tersembunyi dari pengetahuanNya barang sebesar zarrahpun yang ada di langit atau di bumi dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata (Lauh Mahfuzh).” (Saba':3).

⁶¹ Ayat ke-26 ini sebenarnya merupakan lanjutan dan jawapan kepada pertanyaan dan kemusykilan yang ditimbulkan oleh orang-orang kafir tentang perbandingan dan perumpamaan yang dibuat Allah di dalam ayat ke-73 Surah al-Hajj dan ayat ke-41 Surah al-'Ankabut, di mana Allah menonjolkan kelemahan sembah-sembahan mereka selain Allah. Di dalamnya ada disebutkan tentang lalat dan labah-labah. Lalu mereka berkata, “Adalah memalukan, Allah membuat perbandingan dengan serangga-serangga seperti itu? Apalah maksud Allah membuat perbandingan dengan benda-benda yang hina seperti itu?! Maka Allah menurunkan pula ayat ke-26 Surah al-Baqarah ini. Itulah latar belakangnya (sebab nuzulnya). Sekarang mari kita lihat firman Allah di dalam dua surah yang dimaksudkan itu:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ ضُرْبَ مَثَلٍ فَاَسْمِعُوا لَهُمْ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُمْ وَإِنْ يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْعًا لَا يَسْتَفِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾

Bermaksud: Hai manusia, telah dibuat perumpamaan, maka dengarkanlah perumpamaan itu baik-baik. Sesungguhnya sembah-sembahan yang kamu sembah selain Allah itu sekali-kali tidak dapat menciptakan seekor lalatpun, walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya. Jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, tiadalah mereka dapat merebutnya kembali dari lalat itu. Yang menyembah pun lemah dan yang disembah pun lemah. (al-Hajj:73).

مَثَلُ الَّذِينَ أَخَذُوا مِنَ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنكَبُوتِ لَوْ كَانُوا

يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Perbandingan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah labah-labah kalau mereka mengetahui. (al-Ankabut:41).

Perbandingan dan perumpamaan yang dibuat Allah di dalam Al-Qur'an itu bagaikan makanan berzat dan berkhasiat. Ia berguna kepada orang-orang yang sihat. Kepada orang-orang yang mempunyai penyakit-penyakit tertentu pula ia tidak berguna apa-apa, mungkin juga ia memberikan kesan yang buruk. Di dalam Al-Qur'an tersebut sifat-sifat orang-orang yang menjadi sesat dengan sebab keterangan-keterangan yang datang dari Allah berupa perbandingan, perumpamaan dan sebagainya. Antaranya ialah di dalam beberapa firman Allah di bawah ini:

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٧﴾

Bermaksud: Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh (berupa Al-Qur'an atau perbandingan dan perumpamaan yang dibuat Allah di dalamnya) dalam kehidupan dunia dan akhirat dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri) dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendakiNya. (Ibrahim:27).

وَلَقَدْ جَاءَكُمْ يُوسُفُ مِنْ قَبْلُ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا زِلْتُمْ فِي شَكٍّ مِمَّا جَاءَكُمْ بِهِ حَتَّىٰ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ اللَّهُ مِنْ بَعْدِهِ رَسُولًا كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٢٨﴾ الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي ءَايَاتِ اللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَانٍ أَتَاهُمْ كَبِيرٌ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ الَّذِينَ ءَامَنُوا كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبٍ مُنْكَرٍ جَبَّارٍ ﴿٢٩﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya (Nabi) Yusuf telah datang kepadamu dahulu dengan membawa keterangan-keterangan (yang membuktikan kerasulannya), tetapi kamu tetap juga dalam keraguan mengenai apa yang disampaikan kepada kamu sehingga apabila dia mati, kamu berkata: "Allah tidak akan mengutus lagi Rasul sesudahnya." Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang melampaui batas dan ragu-ragu. (34)

(Iaitu) orang-orang yang membantah ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka (dari pihak yang diakui benarnya). Kemurkaan Allah dan orang-orang yang beriman besar sekali kepada mereka. Demikianlah Allah meteraikan atas hati orang yang sombong lagi sewenang-wenang. (35). (Ghafir:34-35).

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

﴿٣٥﴾

Bermaksud: Bagaimana Allah akan memberi petunjuk kepada sesuatu kaum yang kafir sesudah mereka beriman dan juga sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad) itu adalah benar dan telah datang pula kepada mereka

(Iaitu) orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diikatkannya dengan teguh,⁶² dan memutuskan apa yang disuruh Allah supaya

keterangan-keterangan yang jelas nyata? Allah tidak akan memberikan petunjukNya kepada kaum yang zalim. (Aali `Imraan:86).

وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَانَهُ أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ وَقَدْ جَاءَكُمْ بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّكُمْ
وَإِنْ يَكُ كَذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُ وَإِنْ يَكُ صَادِقًا يُصِيبْكُمْ بَعْضُ الَّذِي يَعِدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ

١٨

Bermaksud: Dan seorang laki-laki yang beriman di antara pengikut-pengikut Fir'aun yang menyembunyikan imannya berkata: "Apakah kamu akan membunuh seorang laki-laki karena dia menyatakan: "Tuhanku ialah Allah", padahal dia telah datang kepadamu dengan membawa keterangan-keterangan dari Tuhanmu. Dan jika ia seorang pendusta maka dialah yang menanggung (dosa) dustanya itu; dan jika ia seorang yang benar niscaya sebahagian (bencana) yang diancamkannya kepadamu akan menimpamu". Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada orang yang melampaui batas, lagi pendusta. (Ghafir:28).

Di dalam ayat ke-27 Surah al-Baqarah seterusnya Allah menjelaskan sifat-sifat orang-orang fasiq yang terus sesat meskipun telah Al-Qur'an.

⁶² Maksud perjanjian Allah yang telah diikat dengan teguh ialah perjanjian manusia dengan Allah di alam arwah (roh-roh) bahawa mereka akan mengesakanNya sepanjang masa. Ia disebut Allah di dalam Al-Qur'an menerusi firmanNya ini:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِي ءَادَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ
الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhanmu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi." (Kami lakukan yang demikian itu) supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami tidak diberi pengetahuan tentang (hakikat tauhid) ini. (al-A'raaf:172).

Ayat ini membuktikan bahawa di dalam diri manusia telah tertanam naluri percaya kepada Tuhan yang esa sejak di alam arwah lagi.

Memang sentiasa ada orang-orang yang merombak dan mencabuli perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya. Allah malah telah menceritakan kesan buruknya di dalam dua ayat di bawah ini:

فَبِمَا نَقْضِهِمْ مِّيثَاقَهُمْ لَعْنَهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَاسِيَةً يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ وَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذُكِّرُوا بِهِ وَلَا تَزَالُ
تَطَّلُعُ عَلَىٰ خَائِبَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami kutuki mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras (tidak mahu menerima

disambungkan⁶³ dan mereka pula melakukan kerosakan dan bencana di bumi.⁶⁴

Mereka itulah orang-orang yang rugi.⁶⁵ [27]

kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah (yang ada di dalam kitab Taurat dengan memutarnya) daripada tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian daripada apa yang diperingatkan mereka dengannya, dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (yang tidak berlaku khianat). Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berbuat baik. (al-Maa'idah:13).

أَوْ كَلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا تَبَدَّلَهُ بَرِيْقٍ مِّنْهُمْ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Patutkah (mereka ingkar kepada ayat-ayat Allah), dan setiap kali mereka mengikat janji, segolongan mereka melemparkannya? Bahkan sebahagian besar dari mereka tidak beriman. (al-Baqarah:100).

⁶³ berupa perhubungan yang baik dengan Allah, dengan mentauhidkanNya dan menjauhi kesyirikan, di samping bermesra, bersimpati dan bertolong-menolong di antara sesama manusia. Allah berfirman:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٧﴾ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ وَيَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبُخْلِ وَيَكْتُمُونَ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu apa pun, berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri; (36) Iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh manusia supaya bakhil serta menyembunyikan apa-apa jua yang Allah berikan kepada mereka dari limpah kurnianya dan (sebenarnya) Kami telah sediakan bagi orang-orang kafir itu azab siksa yang amat menghinakan. (37). (an-Nisaa':36-37).

Allah juga dengan lebih jelas menyuruh pihak yang berkuasa supaya melakukan kebaikan dan menjalin hubungan kekeluargaan (shilatur rahim) serta melarang mereka daripada melakukan kerosakan di bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan (shilatur rahim) melalui firmanNya ini:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِن تَوَلَّيْتُمْ أَن تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتَقَطَّعُوا أَرْحَامَكُمْ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Maka apakah kiranya jika kamu berkuasa kamu akan melakukan kerosakan di bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan? (Muhammad:22).

Tidak beriman kepada Allah dan para rasulNya atau membeza-bezakan utusan Allah dengan beriman kepada sebahagian daripada mereka dan tidak kepada sebahagian

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللّٰهِ وَكُنْتُمْ اَمْوَاتًا فَاحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمَيِّتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ اِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٦٥﴾

Bagaimana kamu tergamak kufur terhadap Allah, padahal kamu dahulunya mati (belum lahir),⁶⁶ kemudian Dia menghidupkan kamu; setelah itu Dia

yang lain juga termasuk dalam memutuskan apa yang disuruh Allah supaya disambungkan. Kerana itulah Allah berfirman:

اِنَّ الَّذِيْنَ يَكْفُرُوْنَ بِاللّٰهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُوْنَ اَنْ يُفْرِقُوْا بَيْنَ اللّٰهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُوْنَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُوْنَ اَنْ يَّخْذُوْا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيْلًا ﴿١٥٠﴾ اُولٰٓئِكَ هُمُ الْكَافِرُوْنَ حَقًّا وَّاَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِيْنَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka di antara Allah dan Rasul-rasulNya dan (orang-orang yang) berkata: Kami beriman kepada sebahagian Rasul-rasul itu dan kufur kepada sebahagian yang lain, serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu, (150)

Mereka itulah orang-orang yang kafir dengan sebenar-benarnya dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab siksa yang menghinakan. (151). (an-Nisaa':150-151).

⁶⁴ Di dalam ayat yang lain mereka digambarkan begini:

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفٰسٰدَ ﴿٢٠٥﴾

Bermaksud: Dan apabila ia beredar di bumi, ia berusaha untuk melakukan kerosakan dan membinasakan tanam-tanaman serta zuriat, sedangkan Allah tidak sukakan kerosakan. (al-Baqarah:205).

⁶⁵ Lantaran kesudahan mereka yang amat merugikan. Allah berfirman tentang mereka:

فَاعْبُدُوْا مَا شِئْتُمْ مِنْ دُوْنِهِ ۚ قُلْ اِنَّ الْخٰسِرِيْنَ الَّذِيْنَ خَسِرُوْا اَنْفُسَهُمْ وَاَهْلِيْهِمْ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ اَلَا ذٰلِكَ هُوَ الْخٰسِرٰنَ ﴿١٥٠﴾

Bermaksud: (Setelah kamu mengetahui pendirianku ini wahai kaum musyrik dan kamu masih juga berdegil) maka sembahlah kamu apa yang kamu kehendaki, yang lain dari Allah, (kamu akan mengetahui akibatnya). Katakanlah lagi: Sesungguhnya orang-orang yang rugi (dengan sebenar-benarnya) ialah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri dan pengikut-pengikutnya pada hari kiamat (dengan sebab perbuatan mereka memilih kekufuran atau kederhakaan). Ingatlah, yang demikian itulah kerugian yang nyata. (az-Zumar:15).

⁶⁶ Dan sebelum itu hanya jasad yang tidak mempunyai roh. Sejarah kejadian manusia peringkat demi peringkat hingga mati dan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat dirakamkan oleh Allah di dalam firmanNya seperti berikut:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْاِنْسَانَ مِنْ سُلٰلَةٍ مِّنْ طِيْنٍ ﴿١٥﴾ ثُمَّ جَعَلْنٰهُ نَظْفًا فِىْ قَرَارٍ مَّكِيْنٍ ﴿١٦﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا الطُّنْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظًا فَكَسَرْنَا الْعِظَ لَحْمًا ثُمَّ اَنْشَاْنَهُ خَلْقًا ؕ اٰخَرَ فَبَارَكَ اللّٰهُ اَحْسَنُ الْخٰلِقِيْنَ ﴿١٧﴾ ثُمَّ اِنَّكُمْ بَعْدَ ذٰلِكَ لَمَيِّتُوْنَ ﴿١٨﴾ ثُمَّ اِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ تُبْعَثُوْنَ ﴿١٩﴾

mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan pula kamu (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya.⁶⁷ [28].

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. (12)

Kemudian Kami jadikan pati itu (setitis) air benih (yang disimpan) dalam tempat penetapan yang kukuh (rahim). (13)

Kemudian air benih itu Kami jadikan segumpal darah beku, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (14)

Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. (15)

Kemudian, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat. (16). (al-Mu'minun:12-16).

⁶⁷ Untuk diberi balasan bagi segala amalan yang telah kamu kerjakan. Manusia dibangkitkan hidup kembali di akhirat untuk diberi balasan bagi amalan mereka yang baik dan yang buruk disebut oleh Allah di dalam sekian banyak ayat-ayat Al-Qur'an. Antaranya ialah ayat-ayat yang akan dikemukakan di bawah ini:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَوَاءً نَحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٥﴾ وَخَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَلَئِنْ جَزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Patutkah orang-orang yang melakukan kejahatan menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal shaleh, dengan menyamakan keadaan (mereka semua) semasa mereka hidup dan semasa mereka mati? Buruk sungguh apa yang mereka hukuman (sangkakan) itu. (21)

Dan Allah menciptakan langit dan bumi dengan tujuan yang benar dan supaya tiap-tiap diri diberi balasan terhadap apa yang telah dikerjakannya (baik atau jahat), sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun. (22) (al-Jaatsiyah:21-22).

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٢٢﴾ وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٢٣﴾ ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَىٰ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya seseorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya. (39)

Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu kelak akan diperlihatkan (kepadanya) (40)

Kemudian akan diberi balasan kepadanya dengan balasan yang paling sempurna. (41). (an-Najm:39-41).

إِنَّهُمْ مَنْ يَأْتِ رَبَّهُمْ مُّجْرِمًا فَإِنَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾ وَمَنْ يَأْتِهِ مُّؤْمِنًا قَدْ عَمِلَ الصَّالِحَاتِ فَأُولَٰئِكَ لَهُمْ الدَّرَجَاتُ الْعُلَىٰ ﴿٧٥﴾ جَنَّاتُ عَذْنٍ تَجْرَىٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَٰلِكَ جَزَاءُ مَنْ تَزَكَّىٰ ﴿٧٦﴾

Bermaksud: Sebenarnya sesiapa yang datang kepada Tuhannya dalam keadaan berdosa, maka sesungguhnya baginya neraka Jahannam. Ia tidak mati di dalamnya dan tidak (pula) hidup. (74)

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ۖ ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾ وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ ۚ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۚ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٩﴾

Dialah (Allah) yang menjadikan untuk (kebaikan dan kemaslahatan) kamu segala apa yang ada di bumi,⁶⁸ kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke

Dan sesiapa yang datang kepada Tuhannya dalam keadaan beriman, lagi sungguh-sungguh telah beramal shaleh, maka mereka itulah orang-orang yang memperoleh tempat-tempat yang tinggi (mulia) (75)

(Iaitu) Syurga-syurga yang kekal, yang mengalir padanya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan itu adalah balasan bagi orang yang membersihkan dirinya (dari perbuatan kufur dan maksiat). (75). (Thaha:74-76).

وَذُرُوا ظَاهِرَ الْأَيْمِ وَيَا طَائِفَةَ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْأَيْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا يَقْتَرِفُونَ ﴿١٠٠﴾

Bermaksud: Dan tinggalkanlah dosa yang nyata dan yang tersembunyi. Kerana sesungguhnya orang-orang yang berusaha melakukan dosa, mereka akan dibalas dengan apa yang mereka telah lakukan. (al-An'aam:120).

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُمْ مِّنْ فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ؕ آمِنُونَ ﴿١٠١﴾ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ رُجُوهُمْ فِي الْثَّارِ هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Sesiapa yang datang membawa amal kebajikan (yang telah dikerjakannya), maka ia akan menadapat balasan yang lebih baik daripadanya dan mereka akan aman sentosa daripada kejadian-kejadian yang mengerikan pada hari (kiamat) itu. (89)

Dan sesiapa yang datang membawa amal kejahatan (yang telah dikerjakannya), maka disungkurkanlah muka mereka ke dalam neraka (sambil dikatakan kepada mereka): Kamu tidak diberi melainkan balasan apa yang kamu telah lakukan. (90). (an-Naml:89-90).

⁶⁸ Allah di dalam ayat yang lain berfirman bahawa bukan apa yang ada di bumi sahaja ditundukkan dan dipermudahkan untuk kepentingan manusia, malah apa-apa yang ada di langit-langit juga. Semuanya adalah untuk menyempurnakan ni'matNya kepada mereka. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً ۚ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk (kepentingan)mu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan telah melimpahkan kepadamu ni'mat-Nya lahir dan batin? Dalam pada itu ada di antara manusia orang yang membantah tentang (sifat-sifat) Allah tanpa ilmu pengetahuan

arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna⁶⁹ dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu. [29]

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah⁷⁰ di bumi.” Mereka bertanya

atau petunjuk dan tanpa berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran. (Luqman:20).

⁶⁹ Di dalam ayat yang lain Allah menyatakan bahawa tujuh langit yang sempurna itu telah dijadikanNya dalam tempoh dua hari (masa). Di bawah ini dikemukakan firman Allah berkenaan:

فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَحِفْظًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Maka Dia menjadikannya tujuh langit dalam dua masa. Dia mewahyukan (memberitahu) kepada tiap-tiap langit urusannya. Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang, di samping Kami memeliharanya dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui. (Fushshilat:12).

Zahir ayat ini menunjukkan Allah telah menjadikan bumi dan segala apa yang ada padanya untuk kemaslahatan manusia sebelum menjadikan langit. Tetapi jika dilihat kepada firman Allah yang lain, maka maksud خلق (menjadikan) itu bukanlah menciptakan, sebaliknya ia bererti mentaqdirkan (menentukan). Maksudnya ialah Allah mentaqdirkan (menentukan) kejadian bumi dengan segala keperluan manusia padanya sebelum Dia menjadikan langit. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

وَجَعَلَ فِيهَا رُوسًا مِّن فَوْقِهَا وَبَرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَا أَقْوَامًا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً لِّلسَّائِلِينَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: Dan dia menciptakan di bumi itu gunung-gunung yang kokoh di atasnya. Dia memberkatinya dan menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa. (Fushshilat:10).

Orang-orang `Arab sering juga menggunakan perkataan خَلَقَ خَلْقًا dengan erti mentaqdirkan, menentukan dan merancang. Spt kata Zuhair:

وَلَأَنْتَ تَقْرِي مَا خَلَقْتَ وَبَعْدَ ... ضِ الْقَوْمِ يَخْلُقُ ثُمَّ لَا يَقْرِي

Bermaksud: Memanglah engkau melaksanakan apa yang telah engkau taqdirkan. Berbeza sekali dengan sesetengah orang, ia mentaqdirkan (merancang), kemudian tidak dapat melaksanakan (apa yang dirancangnya).

⁷⁰ Manusia yang memerintah dan berkuat kuasa perintahnya atas segala benda yang ada di bumi. Khalifah yang dimaksudkan di sini merangkumi Nabi Adam dan pemerintah-pemerintah dari kalangan anak cucunya, sama ada yang adil mahupun yang zalim. Di dalam Al-Qur'an Allah tidak menyebutkan Adam sahaja sebagai khalifah di bumi. Sebagai contohnya di dalam ayat di bawah ini Allah menyebutkan Nabi Daud sebagai khalifah:

يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Wahai Daud, Sesungguhnya Kami menjadikanmu khalifah (penguasa) di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah Engkau menurut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan mendapat azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu. (Shaad: 26).

Di tempat yang lain pula Allah menyebutkan anak cucu Adam sebagai khalifah. Lihat beberapa ayat di bawah ini:

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan. (Yunus:14).

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا مُقْتًا وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah (orang-orang yang berkuasa) di muka bumi silih berganti; oleh itu sesiapa yang kafir, maka (akibat) kekufurannya itu akan menimpa dirinya sendiri. Dan orang-orang yang kafir, kufurnya tidak menambahkan mereka di sisi Tuhan mereka melainkan kemurkaan dan kehinaan, dan orang-orang yang kafir itu, kekufurannya tidak menambahkan mereka melainkan kerugian jua. (Faathir: 39).

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Bermaksud: Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah (penguasa-penguasa) di bumi dan meninggikan sebahagian kamu daripada sebahagian yang lain beberapa darjat, untuk mengujimu pada apa yang dikurniakanNya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab siksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-An'aam:165).

أَمْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ أَئِلَّةٌ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Atau siapakah yang memperkenankan (doa) orang yang dalam kesulitan apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan serta menjadikan kamu (manusia) sebagai khalifah-khalifah (penguasa-penguasa) di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Amat sedikit di antara kamu yang mengingat (ni'mat Allah itu). (an-Naml:62).

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal shaleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. (an-Nuur:55).

Perkataan خليفة walaupun mufrad, tetapi di sini ia dipakai sebagai jama', kerana ia adalah isim jenis. Isim jenis sering dipakai oleh orang-orang Arab dengan erti jama'. Di dalam Al-Qur'an juga pada beberapa tempat isim jenis dipakai sebagai jama', sebagai contohnya lihat ayat-ayat berikut:

(1) إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu ditempatkan dalam taman-taman syurga (yang indah) dan (dekat) **beberapa sungai**. (al-Qamar:54).

Perkataan نهر di dalam ayat ini walaupun mufrad, ia dipakai sebagai jama' dengan erti beberapa sungai. Sebabnya ialah di dalam syurga bukan ada sebatang sungai sahaja, malah ada beberapa. Sebagai contohnya, dapat anda lihat pada firman Allah ini:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِّن مَّاءٍ غَيْرِ ءَاسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِّن لَّبَنٍ لَّمْ يَتَغَيَّرْ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِّنْ خَمْرٍ لَّذَّو لِلشَّارِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِّنْ عَسَلٍ مُّصَفًّى وَلَهُمْ فِيهَا مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa ialah di dalamnya terdapat sungai-sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), sungai-sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, sungai-sungai dari arak yang lazat bagi para peminumnya dan sungai-sungai dari madu yang disaring. Mereka juga mendapat di dalam syurga segala jenis buah-buahan dan keampunan dari Rabb mereka, (Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama dengan orang-orang yang tinggal kekal di dalam Neraka dan diberi minuman air yang mendidih sehingga menghancurkan tali-tali perut mereka? (Sudah tentu tidak sama)! (Muhammad:15).

(2) وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا ذُرِّيَّتًا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٦﴾

Bermaksud: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, **dan**

(tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang-orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (sebagai khalifah),⁷¹ padahal kami sentiasa bertasbih memujiMu dan mentaqdiskanMu?”⁷² Jawab Allah: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak diketahui olehmu.”⁷³ [30].

jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa.” (al-Furqaan:74).

(3) وَأَوَّاوُا النِّسَاءَ صَدَقْتِهِنَّ نِخْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. **Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya**, maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai ni`mat yang lazat, lagi baik kesudahannya. (an-Nisaa’:4).

⁷¹ Pertanyaan para malaikat ini menunjukkan khalifah yang Allah hendak jadikan di bumi itu bukan Nabi Adam seorang sahaja. Ia merupakan bukti paling dekat tentang perkataan خليفة yang digunakan sebelum ini adalah isim jenis. Walaupun ia mufrad, tetapi ma`nanya adalah jama`. Jika tidak diterima begitu, niscaya ia bererti para malaikat menganggap Adamlah yang akan melakukan bencana di muka bumi dan dialah yang akan menumpahkan darah! Padahal Adam bersih dan ma`shum daripada semua itu. Kalau perkataan خليفة itu dipakai sebagai isim jama`, maka selesailah masalahnya. Memanglah ada di kalangan anak cucu Adam pemerintah dan penguasa yang adil, sebagaimana ada juga di kalangan mereka pemerintah dan penguasa yang zalim, yang melakukan kerosakan di bumi dan suka pula menumpahkan darah.

⁷² Kami juga mengetahui tentang segala benda. Oleh itu kamilah yang lebih berhak dan lebih layak dengan jawatan khalifah itu. Apa yang ditaqdirkan ini pada zahirnya tidak tersebut, tetapi isyaratnya terdapat di akhir ayat ke-30 dan ke-31 selepas ini. Bahagian ini tidak dinyatakan mereka. Bahagian inilah yang disembunyikan oleh mereka sesuai dengan firman Allah di akhir ayat ke-33 nanti.

⁷³ Aku mengetahui apa maslahat kejadiannya dan kemampuannya untuk memikul jawatan itu. Pada kejadian kamu pula tidak ada persediaan untuk itu. Di dalam ayat yang lain Allah menjelaskan bahawa hanya manusia sahaja yang mempunyai persediaan dan kelayakan untuk menyandang jawatan khalifah itu. Ia adalah suatu amanah. FirmanNya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُلًا ﴿٧٤﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah (Kami) kepada langit-langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ يَادُّمُ أَنْبِئُهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ ۖ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾

Dan Dia (Allah) mengajarkan kepada (Nabi) Adam segala nama (benda-benda dan gunanya), kemudian mengemukakannya kepada para malaikat⁷⁴ lalu berfirman: “Ceritakanlah kepadaKu nama benda-benda ini jika kamu memang golongan yang benar.”⁷⁵ [31]

Jawab mereka: Maha sucilah Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. [32].

persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) Sesungguhnya (tabiat kebanyakan) manusia itu suka melakukan kezaliman dan suka pula melakukan perkara-perkara yang tidak patut (dilakukan). (al-Ahzaab:72).

⁷⁴ Tujuan mengemukakannya kepada malaikat ialah untuk menyalahkan da'waan mereka yang tidak dinyatakan di dalam ayat ke-30 bahawa mereka juga mengetahui tentang semua benda, maka merekalah yang lebih berkeelayakan untuk jawatan itu jika direstui Allah. Kesimpulannya ialah di dalam ayat ke-30 tersebut dengan jelas empat perkara yang dikatakan oleh para malaikat, iaitu “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang-orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (sebagai khalifah), sedangkan kami sentiasa bertasbih memujiMu dan kami juga sentiasa mentaqdiskanMu. Dua perkara pula tidak dikata oleh mereka, ia disembunyikan, iaitu kami juga mengetahui tentang semua benda, kerana itu kami juga layak dijadikan khalifah di bumi.

⁷⁵ Allah befirman begini untuk membuktikan da'waan para malaikat yang disembunyikan bahawa mereka mengetahui segala benda adalah tidak benar. Kerana banyak lagi benda dan perkara yang tidak diketahui mereka. Adam bahkan lebih mengetahui tentangnya daripada mereka. Kerana itu dia dan anak cucunya lebih layak untuk jawatan khalifah itu. Jika para malaikat tidak pernah menda'wa walaupun secara tersembunyi bahawa mereka mengetahui segala benda, niscaya tidak berertilah firman Allah ini: “Ceritakanlah kepadaKu nama benda-benda ini jika kamu memang golongan yang benar.”

Allah berfirman: “Wahai Adam! Beritahulah nama benda-benda ini kepada mereka.”⁷⁶ Maka setelah Adam memberitahu nama benda-benda itu kepada mereka, Allah pun berfirman: “Bukankah Aku telah katakan kepadamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?”⁷⁷ [33].

Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada para malaikat: “Tunduk dan beri hormatlah kamu kepada (Nabi) Adam”.⁷⁸ Lalu mereka tunduk memberi hormat

⁷⁶ Setelah para malaikat mengakui kelemahan dan kekurangan ilmu mereka, Allah berfirman kepada Adam: “Wahai Adam! Beritahulah nama benda-benda ini kepada mereka”. Benda-benda yang diajar nama-namanya oleh Allah kepada Adam bukan semuanya ber`aql, malah kebanyakannya tidak ber`aql. Tetapi Allah mentaghlibkan (memenangkan) makhluk yang ber`aql daripada yang tidak ber`aql, kerana itulah Allah menggunakan dhamir (ganti nama) jama` mudzakkar pada بِأَسْمَاءِهِمْ bukan بِأَسْمَاءِهَا. Contoh mentaghlibkan (memenangkan) makhluk yang ber`aql daripada yang tidak ber`aql dapat juga dilihat pada perkataan الْعَالَمِينَ (semesta alam) di dalam ayat ke-dua surah al-Fatihah. Allah telah menggunakan perkataan jama` mudzakkar salim (yang menunjukkan makhluk yang ber`aql) di situ, padahal kejadian Allah yang lebih banyak di alam semesta ini ialah yang tidak ber`aql.

⁷⁷ Di dalam nota ke-74 sebelum ini telah dikemukakan empat perkara yang dinyatakan oleh malaikat dan dua perkara yang disembunyikan mereka. Itulah yang dimaksudkan dengan “Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan”. Mungkin juga yang dimaksudkan dengan apa yang kamu sembunyikan itu ialah sikap takabbur dan sombong Iblis. Kalau itulah yang dimaksudkan dengan apa yang kamu sembunyikan, maka firman Allah: إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ di dalam ayat ke-34 selepas ini menjelaskannya.

⁷⁸ Perkataan اسجدوا seharusnya dipakai dengan erti seperti yang diberikan di atas, iaitu Tunduk dan patuhlah kamu kepada Adam, atau beri hormatlah kamu kepada Adam. Sujud dengan erti ini memang ada digunakan di dalam Al-Qur`an pada tempat yang lain. Lihat firman Allah berikut:

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

Bermaksud: dan apabila Al-Qur`an dibacakan kepada mereka, mereka tidak mahu tunduk dan patuh. (al-Insyiqaaq: 21).

Tidak seharusnya perintah Allah ini dipakai dengan erti sujud dengan meletakkan dahi di tanah sebagaimana kita sujud kepada Allah. Sebabnya Allah melarang bersujud seperti itu kepada selainNya di dalam ayat berikut:

وَمِنْ آيَاتِهِ الَّتِي لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَالْقَمَرِ ۚ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٢٧﴾

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ يَأْتِيهِمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ ۖ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾

Dan Dia (Allah) mengajarkan kepada (Nabi) Adam segala nama (benda-benda dan gunanya), kemudian mengemukakannya kepada para malaikat⁷⁴ lalu berfirman: “Ceritakanlah kepadaKu nama benda-benda ini jika kamu memang golongan yang benar.”⁷⁵ [31]

Jawab mereka: Maha sucilah Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. [32].

persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) Sesungguhnya (tabiat kebanyakan) manusia itu suka melakukan kezaliman dan suka pula melakukan perkara-perkara yang tidak patut (dilakukan). (al-Ahzaab:72).

⁷⁴ Tujuan mengemukakannya kepada malaikat ialah untuk menyalahkan da'waan mereka yang tidak dinyatakan di dalam ayat ke-30 bahawa mereka juga mengetahui tentang semua benda, maka merekalah yang lebih berkeelayakan untuk jawatan itu jika direstui Allah. Kesimpulannya ialah di dalam ayat ke-30 tersebut dengan jelas empat perkara yang dikatakan oleh para malaikat, iaitu “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang-orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (sebagai khalifah), sedangkan kami sentiasa bertasbih memujiMu dan kami juga sentiasa mentaqdiskanMu. Dua perkara pula tidak dikata oleh mereka, ia disembunyikan, iaitu kami juga mengetahui tentang semua benda, kerana itu kami juga layak dijadikan khalifah di bumi.

⁷⁵ Allah befirman begini untuk membuktikan da'waan para malaikat yang disembunyikan bahawa mereka mengetahui segala benda adalah tidak benar. Kerana banyak lagi benda dan perkara yang tidak diketahui mereka. Adam bahkan lebih mengetahui tentangnya daripada mereka. Kerana itu dia dan anak cucunya lebih layak untuk jawatan khalifah itu. Jika para malaikat tidak pernah menda'wa walaupun secara tersembunyi bahawa mereka mengetahui segala benda, niscaya tidak berertilah firman Allah ini: “Ceritakanlah kepadaKu nama benda-benda ini jika kamu memang golongan yang benar.”

Allah berfirman: “Wahai Adam! Beritahulah nama benda-benda ini kepada mereka.”⁷⁶ Maka setelah Adam memberitahu nama benda-benda itu kepada mereka, Allah pun berfirman: “Bukankah Aku telah katakan kepadamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?”⁷⁷ [33].

Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada para malaikat: “Tunduk dan beri hormatlah kamu kepada (Nabi) Adam”.⁷⁸ Lalu mereka tunduk memberi hormat

⁷⁶ Setelah para malaikat mengakui kelemahan dan kekurangan ilmu mereka, Allah berfirman kepada Adam: “Wahai Adam! Beritahulah nama benda-benda ini kepada mereka”. Benda-benda yang diajar nama-namanya oleh Allah kepada Adam bukan semuanya ber`aql, malah kebanyakannya tidak ber`aql. Tetapi Allah mentaghlirkan (memenangkan) makhluk yang ber`aql daripada yang tidak ber`aql, kerana itulah Allah menggunakan dhamir (ganti nama) jama` mudzakkar pada بِأَسْمَاءِهِمْ bukan بِأَسْمَاءِهَا. Contoh mentaghlirkan (memenangkan) makhluk yang ber`aql daripada yang tidak ber`aql dapat juga dilihat pada perkataan الْعَالَمِينَ (semesta alam) di dalam ayat ke-dua surah al-Fatihah. Allah telah menggunakan perkataan jama` mudzakkar salim (yang menunjukkan makhluk yang ber`aql) di situ, padahal kejadian Allah yang lebih banyak di alam semesta ini ialah yang tidak ber`aql.

⁷⁷ Di dalam nota ke-74 sebelum ini telah dikemukakan empat perkara yang dinyatakan oleh malaikat dan dua perkara yang disembunyikan mereka. Itulah yang dimaksudkan dengan “Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan”. Mungkin juga yang dimaksudkan dengan apa yang kamu sembunyikan itu ialah sikap takabbur dan sombong Iblis. Kalau itulah yang dimaksudkan dengan apa yang kamu sembunyikan, maka firman Allah: إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ di dalam ayat ke-34 selepas ini menjelaskannya.

⁷⁸ Perkataan اسجدوا seharusnya dipakai dengan erti seperti yang diberikan di atas, iaitu Tunduk dan patuhlah kamu kepada Adam, atau beri hormatlah kamu kepada Adam. Sujud dengan erti ini memang ada digunakan di dalam Al-Qur`an pada tempat yang lain. Lihat firman Allah berikut:

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٣١﴾

Bermaksud: dan apabila Al-Qur`an dibacakan kepada mereka, mereka tidak mahu tunduk dan patuh. (al-Insyiqaaq: 21).

Tidak seharusnya perintah Allah ini dipakai dengan erti sujud dengan meletakkan dahi di tanah sebagaimana kita sujud kepada Allah. Sebabnya Allah melarang bersujud seperti itu kepada selainNya di dalam ayat berikut:

وَمِنْ آيَاتِهِ الْآيِلُ وَالنَّهَارُ وَاللَّيْلُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ﴿٣٢﴾

melainkan Iblis;⁷⁹ ia enggan dan berlagak sombong. Dengan itu termasuklah ia dalam golongan orang-orang yang kafir.⁸⁰ [34]

Bermaksud: Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah. (Fushshilat:37).

Tidak jelas daripada firman Allah ini, adakah ia merupakan perintah yang mula-mula sekali diberikan kepada para malaikat atau sebelum itu sudah pun ada perintah supaya mereka tunduk dan memberi penghormatan kepada Adam. Perintah yang diberikan menerusi ayat ini sebenarnya adalah setelah Adam diciptakan dengan sempurna dan dihidupkan. Sebelum kejadian Adam lagi telah pun ada perintah supaya para malaikat tunduk dan hormat kepadanya, apabila dia dicipta dan dihidupkan nanti. Ia dapat dilihat pada beberapa firman Allah seperti berikut:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّیْ خَلِیْقٌ بَشَرًا مِّنْ صَلٰٓصَلٍ مِّنْ حَمٍَٔ مَّسْنُوْنٍ ﴿٣٨﴾ فَاِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيْهِ مِنْ رُّوْحِیْ فَقَعُوْا لَهٗ سٰجِدِيْنَ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. (28).

Apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)Ku, maka tunduk dan beri hormatlah kamu kepadanya.” (29). (al-Hijr:28-29).

اِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّیْ خَلِیْقٌ بَشَرًا مِّنْ طِیْنٍ ﴿٧٠﴾ فَاِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيْهِ مِنْ رُّوْحِیْ فَقَعُوْا لَهٗ سٰجِدِيْنَ ﴿٧١﴾

Bermaksud: (Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia (Adam) dari tanah. (71)

Apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)Ku, maka tunduk dan beri hormatlah kamu kepadanya.” (72). (Shaad:71-72).

⁷⁹ Bahagian permulaan ayat ini secara zahirnya menampakkan hanya malaikat sahaja yang diperintah Allah supaya tunduk dan memberi hormat kepada Adam, tetapi kenapa pula selepas itu dikecualikan Iblis, adakah Iblis juga termasuk dalam makhluk yang diperintah supaya tunduk memberi hormat kepada Adam? Jawabnya, ya. Iblis juga diperintahkan supaya tunduk dan memberi hormat kepada Adam. Buktinya ialah beberapa firman Allah berikut:

قَالَ يٰۤاِبٰلِیْسُ مَا مَنَعَكَ اَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِیَدَیْٖٓ اَسْتَكْبَرْتَ اَمْ كُنْتَ مِنَ الْغٰلِیْنَ ﴿٧٥﴾

Bermaksud: Allah berfirman: Hai Iblis! Apa yang menghalangmu daripada turut tunduk kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kedua tanganKu? Adakah engkau menyombong ataupun engkau (merasa) termasuk dalam orang-orang yang (lebih) tinggi?” (Shaad:75).

وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَاكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ السَّاجِدِينَ ﴿١١﴾ قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (Adam), lalu Kami membentuk rupamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: “Tunduk dan patuhlah kamu kepada Adam, lalu mereka sujud melainkan Iblis, dia tidaklah termasuk dalam golongan yang sujud. (11)

Allah berfirman: “Apakah yang menghalangmu daripada tunduk ketika Aku menyuruhmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah. (12). (al-A`raaf:11-12).

Firman Allah di dalam ayat-ayat di atas menunjukkan Iblis juga termasuk dalam golongan makhluk yang diperintah Allah supaya tunduk kepada Adam bersama-sama para malaikat, walaupun ia bukan dari kalangan malaikat. Bukti ia bukan dari kalangan malaikat ialah firman Allah di bawah ini:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: “Tunduk dan beri hormatlah kamu kepada Adam; maka mereka tunduk memberi hormat melainkan Iblis. Dia adalah dari golongan jin. Dengan itu ia mendurhakai perintah Tuhannya. Maka, patutkah kamu hendak menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaku? Sedang mereka itu adalah musuhmu. Amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim, pengganti yang mereka pilih itu. (al-Kahf:50).

⁸⁰ Tidak tersebut di dalam ayat ini sebab dan alasan Iblis enggan dan takabbur, tidak mahu tunduk dan hormat kepada Adam, sehingga ia termasuk dalam golongan yang kafir. Di dalam dua ayat di bawah ini disebutkan sebab dan alasannya:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

Allah berfirman: “Apakah yang menghalangmu daripada tunduk ketika Aku menyuruhmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah. (al-A`raaf:12).

قَالَ لَمْ أَكُن لِّأَسْجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقْتَهُ مِن صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Berkata Iblis: “Aku sekali-kali tidak akan tunduk kepada manusia yang Engkau telah menciptakannya dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.” (al-Hijr:33).